

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Jabatan Pendidikan Negeri Perlis
Jalan Padang Behor – Guar Syed Alwi
01000 Kangar
PERLIS

NO.TEL PEJABAT : 04-9731000
PENGARAH : 04-9731000
WEBSITE : www.jpnp Perlis.gov.my

Ruj.Kami: JPNNs.600-4/1/2 ()

Tarikh : 10 Mac 2026

**Presiden
Indera Knights Archery Club
No.346, Kampung Peseri Abi,
Jalan Kaki Bukit, 01000 Kangar
PERLIS**

Tuan,

**MAKLUM BALAS PERMOHONAN KEBENARAN HEBAHAN BAGI PROMOSI KURSUS
KEJURULATIHAN MEMANAH SIRI 5/2026**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas serta rujukan surat daripada Indera Knights Archery Club, IKAC.PLS.2026(004) bertarikh 3 Mac 2026.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Perlis (JPNNs) telah menerima dan meneliti permohonan daripada pihak tuan. Pihak JPN Perlis mengalu-alukan inisiatif agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam membantu membangunkan aktiviti kokurikulum di negeri ini.

3. Sehubungan dengan itu, pihak JPNNs mengambil maklum akan permohonan tersebut serta tiada halangan bagi hebahan **Promosi Kursus Kejurulatihan Memanah Siri 5/2026** anjuran **Indera Knights Archery Club bersama Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia** pada **18 hingga 19 April 2026** bertempat di **Kolej Vokasional Arau**. Walau bagaimanapun, pihak JPNNs ingin mengingatkan bahawa penglibatan dalam aktiviti tersebut hendaklah memenuhi syarat serta mematuhi Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil.8/1995, Bil.8/2009, Bil.5/2018, Bil.7/1988, Bil.8/2009 dan Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil.2/2010 serta mematuhi Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Sukan dan Kokurikulum KPM dan Standard Operating Procedure (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Pihak tuan dimohon untuk memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi:

- 3.1 Mendapat persetujuan Pengetua/Guru Besar sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini;
- 3.2 Mematuhi semua pekeliling dan peraturan yang sedang berkuatkuasa;
- 3.3 Surat kebenaran/kelulusan ini tidak boleh digunakan bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan atau tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 3.4 Tiada unsur paksaan terhadap guru dan murid untuk menyertai program berkenaan serta mematuhi *Surat Siaran KPM Bil.2 Tahun 2016 Peringatan Lima Hari Bekerja Seminggu* dimana hari Sabtu yang dibenarkan iaitu sabtu minggu kedua dan keempat sahaja. Tiada sebarang aktiviti dan mesyuarat dibenarkan untuk dijalankan pada hari sabtu minggu pertama, ketiga dan kelima;
- 3.5 Guru pengiring hendaklah bersama murid sepanjang program berlangsung (jika berkaitan);
- 3.6 Penglibatan murid mestilah mendapat kebenaran bertulis daripada ibubapa/penjaga dan tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;
- 3.7 Tiada melibatkan implikasi kewangan terhadap Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri;

- 3.8 Semua pihak diminta memastikan murid yang terlibat mempunyai perlindungan insuran Takaful, serta mematuhi *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.3 Tahun 2019 Prosidur Operasi Standard (SOP) Penggunaan Kenderaan Sendiri Oleh Guru Untuk Membawa Murid Bagi Urusan Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (jika berkaitan)*;
- 3.9 Memastikan keselamatan guru dan murid diberi keutamaan;
- 3.10 Mematuhi Prosidur Operasi Standard (SOP) seperti yang terkandung dalam *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.9 Tahun 2000 Panduan Keselamatan Diri Pelajar Semasa Pengajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan Serta Aktiviti Kegiatan Kokurikulum dan Sukan Di Dalam dan Di Luar Kawasan Sekolah* sebelum, semasa dan selepas program serta hendaklah didokumenkan dan ditaklimatkan kepada semua peserta;
- 3.11 Mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM); dan
- 3.12 Pihak Tuan/Puan dikehendaki mengemukakan satu salinan laporan dan surat permohonan **pengiktirafan bagi pemberian markah kokurikulum** yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia atau Jabatan Pendidikan Negeri Perlis selepas program dilaksanakan.

4. Kebenaran ini adalah hanya untuk memberi kebenaran penglibatan guru/murid serta tertakluk kepada perincian seperti dalam permohonan tuan. Surat kelulusan ini hanya untuk **Hebahan Kursus Kejurulatihan Memanah Siri 5/2026 SAHAJA**. Sebarang kebenaran program baharu atau perubahan tarikh program hendaklah dikemukakan kepada pihak Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Perlis.

5. Sebarang pertanyaan, pihak tuan boleh menghubungi Encik Mohammad Izham Bin Idros, Penolong Pengarah Pembangunan Bakat di talian 04 9731112 / 012 3277495.

Kerjasama dan komitmen daripada pihak tuan amatlah dihargai dan disanjung tinggi.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(ROSE AZA BIN CHE ARIFIN, S.M.P.)

Pengarah Pendidikan Perlis
Jabatan Pendidikan Negeri Perlis

MINUPBM/2026

s.k. 1 Fail



(NO. PENDAFTARAN : C-PLS-12778)

INDERA KNIGHTS ARCHERY CLUB
NO.346 KAMPUNG PESERI ABI
JALAN KAKI BUKIT 01000 KANGAR
PERLIS

Ruj. Kami : IKAC.PLS.2026 (004)
Tarikh : 3 Mac 2026

PENGARAH
Jabatan Pendidikan Negeri Perlis
Jalan Padang Behor
01000 Kangar,
Perlis

Tuan/Puan,

PERMOHONAN HEBAHAN BAGI PROMOSI KURSUS KEJURULATIHAN MEMANAH SIRI 5/2026 (KURSUS ASAS)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Untuk makluman pihak tuan, Indera Knights Archery Club akan menganjurkan Kursus Asas Kejurulatihan Memanah Siri 5/2026 seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 18-19 April 2026
Masa : 8.00 pagi - 5.00 petang
Tempat : Kolej Vokasional Arau

2. Kursus ini bertujuan memberi pendedahan asas kejurulatihan memanah kepada guru, jurulatih sekolah, serta individu yang berminat dalam pembangunan sukan memanah secara sistematik dan berstruktur.
3. Sehubungan dengan itu, pihak kami amat berbesar hati sekiranya pihak tuan dapat membantu membuat hebahan ke sekolah-sekolah negeri Perlis bagi memastikan penyertaan yang lebih meluas.
4. Bersama-sama ini turut dilampirkan salinan surat tawaran penyertaan kursus untuk perhatian dan tindakan sewajarnya dari pihak tuan. Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi Cikgu Norazlizar (011 11968235) atau Cikgu Norishah (016 4228235).

Kerjasama dan perhatian pihak tuan/puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"RECURVE FIGHTER"



Saya yang menjalankan amanah,



(DR. NURAZAM BIN OMAR)

Presiden
Indera Knights Archery Club (IKAC)

INDERA KNIGHTS ARCHERY CLUB





(NO. PENDAFTARAN : C-PLS-12778)

INDERA KNIGHTS ARCHERY CLUB
NO.346 KAMPUNG PESERI ABI
JALAN KAKI BUKIT 01000 KANGAR
PERLIS

Ruj. Kami : IKAC.PLS.2026 (003)
Tarikh : 20 Februari 2026

Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia (NAAM)
Kompleks Sukan MSN
Persiaran Perbandaran
71800 Nilai,
Negeri Sembilan

Tuan,

TAWARAN PENYERTAAN KURSUS KEJURULATIHAN MEMANAH SIRI 5/2026 (KURSUS ASAS)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Sukacita dimaklumkan bahawa **Indera Knights Archery Club** akan menganjurkan **Kursus Kejurulatihan Memanah Siri 5/2026 (Kursus Asas)** mengikut prosedur dan garis panduan yang ditetapkan oleh Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia (NAAM).

2. Butiran kursus adalah seperti berikut:

Jenis Kursus : Kursus Asas Kejurulatihan Memanah
Tarikh : 18 – 19 April 2026
Tempoh : 2 Hari (16 Jam)
Masa : 8.00 pagi – 5.00 petang
Tempat : Kolej Vokasional Arau, 02600 Arau, Perlis

3. **Yuran Penyertaan** adalah sebanyak **RM250.00 seorang**, dengan pecahan seperti berikut:

- RM100.00 – Bayaran kepada NAAM
- RM150.00 – Pengurusan dan logistik penganjuran

Yuran ini termasuk kos makan minum (3 kali x 2 hari) dan baju-T peserta. Segala urusan berkaitan penginapan dan perjalanan adalah di bawah tanggungjawab peserta masing-masing. Sumbangan/yuran boleh disalurkan melalui akaun bank rasmi berikut:

Nama Akaun : INDERA KNIGHTS ARCHERY CLUB (IKAC)
No. Akaun : 1005 1810 0012 1120
Bank : BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (AGROBANK)

Sila nyatakan nama peserta sebagai rujukan transaksi dan kemukakan bukti pembayaran kepada pihak urusetia untuk pengesahan.

4. Syarat penyertaan adalah seperti berikut:

- i. Berumur 18 tahun ke atas
- ii. Mempunyai pengalaman dalam sukan memanah sekurang-kurangnya tiga (3) tahun
- iii. Membawa peralatan memanah sendiri
- iv. Wajib berpakaian sukan dan berkasut sukan sepanjang kursus
- v. Penyertaan tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Kejurulatihan NAAM

5. Untuk kemudahan peserta luar kawasan, cadangan penginapan berhampiran lokasi kursus boleh diperoleh daripada pihak urusetia.

INDERA KNIGHTS ARCHERY CLUB



IKACFLASH



INKAC2022@GMAIL.COM



+60197798799

+60125993411



(NO. PENDAFTARAN : C-PLS-12778)

INDERA KNIGHTS ARCHERY CLUB
NO.346 KAMPUNG PESERI ABI
JALAN KAKI BUKIT 01000 KANGAR
PERLIS

Ruj. Kami : IKAC.PLS.2026 (003)
Tarikh : 20 Februari 2026

6. Sehubungan itu, pihak kami amat berbesar hati menjemput pegawai, jurulatih dan ahli persatuan di bawah pentadbiran tuan/puan untuk menyertai kursus ini. Penyertaan awal adalah digalakkan kerana tempat adalah terhad. Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi Cikgu Norazlizar (011 11968235) atau Cikgu Norishah (016 4228235).

Kerjasama dan perhatian pihak tuan/puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


"RECURVE FIGHTER"

Saya yang menjalankan amanah,

(DR. NURAZAM BIN OMAR)

Presiden

Indera Knights Archery Club (IKAC)



INDERA KNIGHTS ARCHERY CLUB

